

## Panasonic dan Harvey Norman Jalin Usaha bagi Kerjasama Inisiatif “Energy for Green Future”

*Inisiatif hijau ini memberi tumpuan kepada meningkatkan kesedaran tentang kepentingan dan menggalakkan tabiat baik kitar semula bateri*

**Kuala Lumpur, 16 November 2023** – Panasonic, peneraju global terkemuka dalam segmen elektronik inovatif pengguna, bekerjasama dengan Harvey Norman, rangkaian runcit terkemuka di Malaysia untuk bersama mengajak ke arah inisiatif “**Energy for Green Future**” yang bertujuan untuk memacu penyertaan aktif dalam kitar semula bateri di kalangan rakyat Malaysia. Kerjasama antara Panasonic dan Harvey Norman ini menandakan satu peristiwa penting dalam menjadi penyokong kelestarian alam sekitar, sambil menggalakkan rakyat Malaysia untuk menerima gaya hidup yang lebih mementingkan alam sekitar.

Matlamat utama kerjasama ini adalah untuk menyelaraskan komitmen Panasonic yang tidak berbelah bahagi terhadap tanggungjawab sosial. Menerusi perkongsian penting ini, Panasonic dan Harvey Norman berhasrat untuk memberikan kesan positif yang besar kepada alam sekitar, selain meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kitar semula bateri.

“Misi kami yang telah lama digagaskam pengasas kami di mana kumpulan harus menyumbang kepada masyarakat. Dan hari ini, langkah termasuk menangani cabaran global membabitkan perubahan iklim adalah selaras dengan slogan tindakan jenama kami ‘Create Today. Enrich Tomorrow’, di mana kami bukan sahaja menumpukan kepada memperkayakan kesejahteraan holistik pelanggan, malah meningkatkan kesejahteraan planet kita. Bateri adalah item yang digunakan dalam kebanyakan alat dan perkakas elektronik kami, tetapi saluran untuk mengitar semulanya dan kesedaran tentang kepentingan mengitar semulanya masih agak rendah. Melalui inisiatif “*Energy for Green Future*”, kita secara bersama mampu berusaha ke arah masa depan yang mampan, dan satu langkah kecil ialah dengan menyediakan pilihan kitar semula bateri yang mudah,” kata Keisuke Nishida, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

### ‘Energy for Green Future’ dengan Tong Eco Bateri di Harvey Norman

Sebagai sebahagian daripada kerjasama itu, Panasonic dan Harvey Norman bersedia untuk melaksanakan-satu siri inisiatif, termasuk meletakkan tong Eco Panasonic khusus di cawangan Harvey Norman di seluruh negara. Tong Eco ini akan berfungsi sebagai tempat pengumpulan untuk bateri terpakai, seterusnya menggalakkan kitar semula bateri.

Bagi memberi insentif berterusan kepada pelanggan untuk mengambil bahagian dalam amalan kitar semula yang bertanggungjawab, Panasonic Energy melaksanakan program penukaran yang menawarkan diskaun tambahan bagi pembelian bateri boleh dicas semula eneloop terpilih apabila pelanggan membawa bateri terpakai mereka untuk dikitar semula. Bateri boleh dicas semula eneloop Panasonic terkenal dengan ketahanan, kebolehpercayaan dan pengekalan caj yang terkecuali. Insentif ini menggalakkan pelanggan menukar dan menerima penggunaan bateri boleh dicas semula untuk mengurangkan bilangan bateri yang pergi ke tapak pelupusan, sekali gus memberikan sumbangan berharga kepada pemuliharaan planet kita.

Menuju ke hadapan, Panasonic merancang untuk memperkenalkan model bateri eksklusif, bakal pertama kali yang akan ditawarkan di Harvey Norman. Bateri ini akan direka bentuk dengan mengambil kira kemampunan dan sejajar dengan inisiatif hijau syarikat untuk menawarkan pelanggan yang mementingkan alam sekitar menerusi lebih banyak pilihan bateri.

“Kelestarian adalah sebahagian daripada DNA kami sebagai syarikat Australia, di mana kitar semula adalah sebahagian besar daripada gaya hidup kami. Kami kemudiannya mengembangkan inisiatif kelestarian ke

rantau Asia Tenggara bertahun-tahun yang lalu bermula dengan Singapura dan kini Malaysia. Apabila Panasonic membentangkan kepada kami inisiatif kitar semula bateri ini, kami bersetuju untuk bekerjasama dengan segera kerana kekurangan kesedaran dan saluran untuk orang ramai mengitar semula bateri terpakai di negara ini dan kami mahu menjadi sebahagian daripada usaha membolehkan lebih banyak tabiat kitar semula yang baik di kalangan rakyat Malaysia. Selain itu, kerjasama dengan Panasonic ini adalah bukti komitmen bersama kami terhadap kelestarian alam sekitar. Bersama-sama, kita bukan sekadar meningkatkan kesedaran; kami secara aktif melibatkan masyarakat dalam perjalanan ke arah mewujudkan masa depan yang mampan dan lestari,” kata Eugene Lim, Pengurus Produk Bahagian Elektrik Harvey Norman.

Tong Eco Panasonic kini boleh didapati di 8 lokasi Harvey Norman di Lembah Klang – Mid Valley MegaMall, Menara Harvey Norman, IPC, Sunway Pyramid, Citta Mall, Pavillion Bukit Jalil, IOI City Mall Putrajaya dan Nu Sentral. Lebih banyak Tong Eco akan ditempatkan di lebih banyak cawangan Harvey Norman di luar Lembah Klang.

Mulai sekarang hingga 26 November 2023, bersempena dengan inisiatif ‘*Energy for Green Future*’, Panasonic menganjurkan Jerayawara Bateri di Harvey Norman Mid Valley di mana pelanggan boleh memperoleh lebih banyak diskaun dan hadiah apabila membawa bateri terpakai untuk dikitar semula di Tong Eco. Selain itu, Panasonic sedang menjalankan peraduan Recycle, Post & Win di mana tiga pemenang dengan foto paling kreatif dengan eco bin akan berpeluang memenangi *Earbud* tanpa wayar Panasonic (bernilai RM799) dan Tanglung LED Panasonic One-2 (bernilai RM59.90).

###

## Mengenai Panasonic Malaysia

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic produk elektrik dan elektronik yang terdiri daripada audio visual, peralatan rumah, penghawa dingin, kualiti udara dalaman, perniagaan solar, kamera digital & video, peralatan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, penjagaan kesihatan & kecantikan, bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati melalui pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

## Kontak Media

### **Stella Lim**

Ketua Jabatan

Jabatan Komunikasi Pemasaran

### **Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.**

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Email: [stella.lim@my.panasonic.com](mailto:stella.lim@my.panasonic.com)

Office: +603-7809 7605

### **Mazlee Mokhtar**

Pengurus, Komunikasi Korporat

Jabatan Komunikasi Pemasaran

### **Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.**

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Email: [mazlee.mokhtar@my.panasonic.com](mailto:mazlee.mokhtar@my.panasonic.com)

Office: +603-7809 7877

**Panasonic**

*SIARAN MEDIA*  
*Untuk Siaran Segera*